

15/06/2002

'Teliti semula penggunaan bahasa Inggeris'

Salbiah Ani

RANCANGAN kerajaan untuk melaksanakan pengajaran pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kepada pelajar tahun satu mulai tahun 2003 nyata menimbulkan kebimbangan kepada sesetengah sarjana yang tidak mahu melihat pelajar Melayu terus tercicir dalam kedua-dua subjek berkenaan.

Kebimbangan ini dapat dikesan ketika berlangsungnya Siri Wacana Pengajian Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKMM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 11 Jun lalu.

Pensyarah PPBKMM, Prof Madya Ajid Che Kob, yang membentangkan kertas kerja Gual-Gail Bahasa Melayu pada siri wacana terbabit percaya pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal mesti dalam bahasa ibunda kanak-kanak.

"Pembelajaran awal dalam bahasa ibunda kanak-kanak penting kerana ia lebih berhubung dengan konsep minat dan kebolehan untuk memahami. Pengajaran dalam bahasa asing tidak semestinya membantu pelajar mencapai kejayaan," katanya pada seminar di Bangi, baru-baru ini.

Turut hadir pada Siri Wacana Pengajian Melayu ialah Pengerusi PPBKMM, Prof Madya Dr Solehah Ishak, Prof Madya Dr Sahlan Mohd Saman, Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail, Prof Madya Dr Rosnah Baharuddin dan Dr Shaiful Bahri Md Radzi.

Ajid memberi contoh sekolah dasar di Indonesia untuk empat tahun pertama umpamanya menggunakan bahasa daerah sebagai bahasa pengantar manakala di Belanda bahasa Inggeris hanya diajarkan selepas darjah lima.

Beliau menyatakan pendiriannya secara tidak langsung dengan mengajak khalayak wacana meneliti 'kes' Special Malay Class yang diperkenalkan penjaja British khusus untuk pelajar sekolah Melayu di sekolah Inggeris.

Perangkaan 1932 menunjukkan 55 peratus pelajar Melayu yang melalui Special Malay Class lulus Peperiksaan Sijil Persekolahan (SCE) berbanding 43 peratus mereka yang mendapat pendidikan seluruhnya dalam bahasa Inggeris lulus peperiksaan terbabit.

"Fakta ini membuktikan pelajar yang belajar ilmu pada tahap awal dalam bahasa sendiri akan lebih pintar dan berjaya. Keberkesanan pembelajaran awal dalam bahasa ibunda kanak-kanak turut diperakukan Imperial Education Conference pada 1927," katanya.

Ajid percaya kemelut yang melanda bahasa Melayu di negara ini bukan kerana kelemahannya tetapi kekuatannya sebagai bahasa perhubungan dan ilmu di Malaysia sehingga penguasaan bahasa Inggeris sebahagian rakyat menjadi lemah.

"Sekiranya empat matlamat yang ditetapkan Kementerian Pendidikan dalam Program Bahasa Inggeris Sekolah Menengah berjaya dicapai, sudah pasti tidak terjadi keputusan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris sebagaimana sekarang," katanya.

Empat matlamat yang ditetapkan Kementerian Pendidikan kepada pelajar yang mengikuti Program Bahasa Inggeris Sekolah Menengah ialah:

- * Berkebolehan mendengar dan memahami bahasa Inggeris pertuturan baik di sekolah mahupun dalam kehidupan sehari-harian.

- * Bertutur dengan cekap dalam apa juga topik.

- * Membaca dan memahami prosa serta puisi bagi tujuan mendapatkan maklumat dan penghayatan.

- * Mampu menulis dengan berkesan untuk apa tujuan sekalipun.

Ajid yakin matlamat terbabit gagal dicapai kerana Kementerian Pendidikan tidak menyediakan prasarana sebaiknya dan akibatnya semakin tinggi

persekolahan pelajar semakin merosot penguasaan bahasa Inggeris mereka.

"Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi terus dipertahankan sehingga 1993 walaupun ada kelonggaran di sana sini. Ini salah satu zaman kemuncak bahasa Melayu di Malaysia baik sebagai bahasa kebangsaan, ilmu mahupun antarabangsa.

"Dari segi dasar, bahasa Inggeris tidak dianggap sebagai pesaing tetapi pelengkap iaitu bahasa kedua yang mempunyai fungsi tertentu. Namun matlamat untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua masyarakat negara ini tidak kesampaian," katanya.

Kegagalan itu menjadi salah satu faktor terpenting yang menggugat kedudukan bahasa Melayu pada zaman mutakhir dan meledak pada 1993 apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan Kabinet mengizinkan penggunaan bahasa Inggeris.

"Langkah membenarkan pengajaran sains dan teknologi, bidang yang dianggap nadi kepada tamadun moden, sains dan teknologi yang sebelum ini dikendalikan dalam bahasa Melayu adalah suatu tamparan hebat kepada keutuhan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan," katanya.

Ajid berkata, gegaran kedua terjadi kepada bahasa Melayu pada 1995 apabila Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) digubal yang membolehkan IPTS negara ini menggunakan bahasa Inggeris untuk menjalankan program pengajian mereka.

Sekiranya kebenaran Kabinet kepada institut pengajian tinggi awam (IPTA) menjalankan kursus sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris dilihat membawa kepada wujudnya pendidikan bilingual vertikal, Akta IPTS 1995 pula mewujudkan pendidikan bilingual horizontal.

"Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama semakin goyah dengan keputusan Kabinet untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai wadah mengajar matas pelajaran Sains dan Matematik bermula darjah satu di sekolah kebangsaan mulai persekolahan tahun 2003.

"Malah lebih parah lagi ada pertimbangan untuk terus memulakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan seperti yang dilaporkan pada muka depan berita utama The New Straits Times pada 10 Jun lalu," katanya.

Ajid percaya sekiranya rancangan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diteruskan maka ia bukan saja memberi kesan kepada bahasa Melayu tetapi juga warga Malaysia dan mencetuskan dua keadaan yang sama seperti pada zaman penjajah.

Pelajar aliran sains akan lebih pandai bahasa Inggeris manakala pelajaran aliran sastera kurang pandai selain luas peluang kehidupan serta lebih dipandang tinggi manakala bahasa Melayu pula bakal menjadi bahasa yang terpinggir dan untuk mata pelajaran kurang mahal atau rendah nilai ekonominya.

"Langkah ini sebenarnya sama seperti kita memperkenalkan semula aliran Inggeris di negara ini sebagaimana pada zaman penjajah dan apakah mungkin sekiranya matlamat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tidak tercapai, maka semua mata pelajaran akan diajar dalam bahasa Inggeris?" katanya.

Dr Solehah ketika meminta Ajid memberi pandangan lebih tegas mengenai isu mutakhir bahasa Melayu meletakkan kemelut yang melanda berpunca daripada sikap orang Melayu yang 'lena dalam jaga' dan hanya sedar kesalahan mereka apabila 'kain sudah terbarai'.

Dr Sahlan pula mengajak cendekiawan Melayu agar menghantar memorandum khusus mengenai perkara itu untuk diserahkan kepada menteri terbabit dan diedarkan kepada semua orang Melayu dan pandangan berkenaan dipersetujui Dr Siti Zainon.

(END)